



## PENDEKATAN APLIKASI TIKTOK DALAM PENGAJARAN MENERUSI TEKNIK PERGERAKAN KAMERA DAN SYOT TERHADAP PELAJAR

### *THE TIKTOK APPLICATION APPROACH IN TEACHING CAMERA MOVEMENT AND SHOT TECHNIQUE TECHNIQUES TO STUDENTS*

Aselawati Che Ab Adziz<sup>1\*</sup>, Siti Syamsul Nurin Mohmad Yazam<sup>2</sup>

- <sup>1</sup> School of Multimedia Technology and Communication, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: [aselawati@uum.edu.my](mailto:aselawati@uum.edu.my)
- <sup>2</sup> School of Multimedia Technology and Communication, Universiti Utara Malaysia, Malaysia  
Email: [ssnurinmy@uum.edu.my](mailto:ssnurinmy@uum.edu.my)
- \* Corresponding Author

#### Article Info:

##### Article history:

Received date: 30.10.2023  
Revised date: 15.11.2023  
Accepted date: 18.12.2023  
Published date: 26.12.2023

##### To cite this document:

Adziz, A. C. A., & Yazam, S. S. N. M. (2023). Pendekatan Aplikasi Tiktok Dalam Pengajaran Menerusi Teknik Pergerakan Kamera Dan Syot Terhadap Pelajar. *International Journal of Modern Education*, 5 (19), 263-279.

DOI: 10.35631/IJMoe.519019

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



#### Abstrak:

Aplikasi TikTok kini semakin memberi pengaruh kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kekangan pengajaran akibat pandemik Covid-19 telah mengalihkan sistem pengajaran secara bersemuka kepada pengajaran secara atas talian. Hal ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pengajaran yang melibatkan aspek teknikal kerana kemahiran teknikal sebegini perlu dipelajari secara bersemuka bersama tenaga pengajar. Proses pembelajaran sendiri yang hanya terbatas kepada pelajar, mengakibatkan kesukaran dalam melaksanakan penggambaran video bagi tugas mereka. Pelajar tidak dapat memahami teknik yang tepat dalam melaksanakan penggambaran video terutama dalam aspek pergerakan kamera dan juga pemilihan syot yang betul. Justeru, objektif kajian ini adalah untuk menyiasat keberkesanan pembelajaran menerusi aplikasi TikTok dalam membantu pelajar memahami proses penggunaan kamera dan untuk menilai kesan pembelajaran menerusi aplikasi TikTok bagi membantu pelajar menghasilkan mutu kerja yang baik. Kajian ini menggunakan kaedah kajian tindakan yang menggunakan Model Kurt Lewin, dengan lima langkah untuk menganalisa dapatan kajian. Walau bagaimanapun, untuk kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada langkah pertama sahaja iaitu mengenalpasti masalah dan intervensi. Dapatan menunjukkan aplikasi TikTok berjaya dimanfaatkan oleh pelajar. Pelajar faham tentang cara pergerakan kamera dan syot. Walau bagaimanapun, elemen pergerakan kamera diaplikasikan secara minimum menerusi tugas “short film” yang diberikan. Pelajar faham dengan

penggunaan shot tetapi pengaplikasian penggunaan syot adalah terbatas dengan kekangan peralatan penggambaran.

**Kata Kunci:**

Aplikasi TikTok, Model Kurt Lewin, Pergerakan Kamera, Syot

**Abstract:**

The TikTok application has increasingly influenced the teaching and learning process. Thus, the difficulties in teaching caused by the Covid-19 pandemic have shifted the teaching process from face-to-face to online. This has impacted the teaching process that involves technical aspects because technical skills need to be transferred face-to-face with the involvement of the instructor. The self-learning process which only involve a student, leads to difficulties in executing video capturing for their assignments. Students could not fully comprehend the specific techniques in video filming, especially in the aspect of camera movements and how to choose the right shot. Therefore, the research objectives are to investigate the effectiveness of learning through the TikTok application in assisting students to understand the process of using a camera and to evaluate the effect of learning through the TikTok application to assist students in producing quality videos. This research utilizes action research methods using the Kurt Lewin Model with five steps to analyse research outcomes. Nevertheless, for this research the researchers will only focus on the first step which is to identify the problems and interventions. The result of the research shows that TikTok has successfully been utilized by the students and students have understood the ways in which camera movements and shots being made. However, elements of camera movements were minimally applied throughout the short film assignment given. Students understood the usage of shots, but the applications of the shots are limited because of the limited filming equipment.

**Keywords:**

TikTok Application, Kurt Lewin Model, Camera Movements, Shot

**Pengenalan**

Kemelum pandemik Covid-19 telah merubah sistem pengajaran secara bersemuka kepada pengajaran secara atas talian. Hal ini sedikit sebanyak memberikan kesan kepada pengajaran yang melibatkan aspek teknikal kerana kemahiran ini perlu dipelajari secara bersemuka bersama tenaga pengajar (Putri & Astutik, 2021; Ni, 2022). Proses pengajaran terbatas kepada hanya penglibatan pelajar, mengakibatkan kesukaran dalam melaksanakan penggambaran video bagi tugas mereka. Pelajar tidak dapat memahami teknik yang tepat dalam melaksanakan penggambaran video terutama dalam aspek pergerakan kamera dan juga pemilihan syot yang betul. Elemen ini saling kaitan antara satu sama lain terutama dalam penggunaan kamera peranti yang menggunakan teknik pegangan tangan (Sikov, 2020). Penggunaan kamera yang dipegang dengan tangan untuk memperoleh kesan yang dramatik meliputi konsep pandangan sinematik sangat terbatas dan tidak halus gerakkannya. Dalam hal ini, gerakan-gerakan kamera yang bergoyang dan tidak teratur akan memberi kesan yang tidak bagus terhadap kualiti video (Kaye, Zeng, & Wikstrom, 2022) terutama dalam penggunaan kamera peranti.

Justeru, kekangan pengajaran atas talian telah membatasi kaedah pembelajaran bersemuka untuk pelajar memahami bagaimana cara gerakan tangan yang tepat bagi membuat rakaman (Deleuze, 2019), bagi mendapat syot yang cantik dengan sinematik yang akan memberi maksud tersirat dan tersurat. Seorang sutradara atau pengarah mempunyai cara yang tersendiri dalam membuat rakaman syot dan penepatan “setting in frame” (Ryan, & Lenos, 2020). Selain itu, pengarah juga akan mengungkapkan gaya pengarahan mereka melalui penggunaan gerak kamera (Sourdis & de Lucas, 2019). Jika seorang pengarah menggunakan gerakan kamera tangan, dengan memilih gerakan kamera spotan, ini memberi maksud mewakili sudut pandangan seorang watak.

Justeru, jenis gerakan kamera yang dipilih oleh seorang pengarah amat penting kerana gerak kamera akan menciptakan rasa tempo dan iramanya yang tersendiri (Bordwell, Thompson, & Smith, 2008; Bordwell, & Thompson, 2019). Ini adalah kerana ia akan memberi pengaruh dan kesan penonton dan filem tersebut. Teknik gerakan kamera akan melahirkan syot yang mencapai maksud tersirat dan tersurat bagi melahirkan gaya visual seorang pengarah (Spottiswoode, 2022; Spottiswoode, 2023). Oleh itu, makalah ini akan memberi tumpuan kepada pelajar filem atau video mesti memahami cara yang betul dalam membuat rakaman dengan pergerakan kamera dan syot bagi melahirkan satu gaya visual yang mempunyai sinematik yang baik dan seterusnya menghasilkan produk yang bagus.

Maka, kajian ini menggunakan pendekatan video pendek menerusi aplikasi TikTok bagi memberi kefahaman kepada pelajar dalam menghasilkan tugas mereka dengan menggunakan kamera peranti.

### Kajian Literatur

Pergerakan kamera merupakan elemen penting dalam menghasilkan sebuah filem pendek yang baik. Pergerakan kamera meliputi pergerakan dalam bingkai yang tidak bergerak. Bingkai kamera yang tidak bergerak diibaratkan seperti “melihat melalui sebuah jendela” (Bordwell et al., 2008; Bordwell, & Thompson, 2019). Seterusnya, pergerakan kamera akan ditumpukan kepada syot menerusi gerakan objek. Ia dipanggil sebagai gerakan watak. Dengan erti kata lain kamera tidak bergerak dan berada pada kedudukan setempat, namun objek atau watak di dalam bingkai yang akan bergerak (Spottisword, 2022; Deleuze, 2019). Ada pelbagai jenis pergerakan yang dimasukkan ke dalam bingkai statik. Gerakan ini boleh bersifat literal iaitu (dari kiri ke kanan kamera), gerak ke dalam (menjauh atau menghampiri kamera), gerak diagonal (kombinasi daripada gerak literal dan gerak ke dalam) (Spottiswoode, 2023).

Pergerakan kamera ke kanan dan ke kiri, ke atas dan ke bawah dikenali dengan *pan* dan *tilt*. Biasanya jika kamera diletakkan di posisi yang tetap, ia boleh berfungsi sebagai gerak mata atau kepala watak dengan menggunakan teknik *pan* dan *tilt*. Sebahagian besar gerak kamera dicipta untuk mewakili pandangan mata manusia (Block, 2020). Dalam keadaan ini, biarpun tubuh manusia tidak bergerak, tetapi penonton akan berpaling ke kiri dan ke kanan serta membuat satu jelingan. Menerusi teknik gerakan kamera ini menunjukkan gerakan tersebut lebarnya lebih daripada 180 darjah (Ryan, & Lenos, 2020).

Pergerakan kamera juga meliputi daripada lensa zoom. Pergerakan lensa yang mendekat dan menjauhi objek yang dilakukan secara optik dengan memanjangkan atau memendekkan lensa fokal dikenali dengan *zoom in* dan *zoom out*. Ia akan menghasilkan sudut pandang lebar atau sempit. Lensa zoom terdiri daripada satu lensa yang boleh diubah-ubah, membesar dan

mengecilkan objek (Bordwell et al., 2008; Bordwell, & Thompson, 2019). Ia juga dipanggil optikal zoom. Optikal zoom tidak mengubah kualiti imej. Walau bagaimanapun dalam situasi kajian ini tugas pelajar yang menggunakan kamera peranti, ia mempunyai perbezaan dengan kamera filem. Kamera peranti mempunyai kaedah “cropping”. *Cropping* bermaksud gambar akan dipotong di bahagian yang dipilih kemudian akan dibesarkan tanpa tambahan piksel. Zoom secara digital ini akan menyebabkan penurunan kualiti imej (Sikov, 2020). Bagi mendapatkan kesan gerakan yang baik dengan hanya penggunaan tangan, jurukamera amatir hendaklah menggerakkan kamera digital atau pun peranti dengan perlahan-lahan (Sourdis, & de Lucas, 2019).

Pergerakan kamera peranti yang ditunjukkan menerusi video-video pendek menerusi aplikasi TikTok banyak menggunakan pegangan tangan (Klug, 2020; Cervi, 2021; Kaye et al., 2022). Jurukamera yang merakam boleh bermula dari kiri atau kanan atau dari bawah atau atas, dan mula merancang kamera ke arah subjek dengan perlahan. Bagi menstabilkan pergerakan tangan, gimbal telefon pintar adalah berfungsi sebagai penstabil yang baik pada video, dan menjadikan *panning* dan zoom lebih baik daripada pegang tangan. Aplikasi TikTok memberi peluang kepada pelajar mendapat banyak maklumat dalam sesuatu bidang. Ini adalah kerana TikTok tersedia dengan pelbagai tutorial yang ringkas dan mudah difahami (Kaye et al., 2022). Pelajar merupakan generasi Z yang cepat dan pantas memahami penggunaan teknologi (Cervi, 2021; Buck-Pavlick, 2021; Mingti, Yansen, & Yimei, 2022).

Aplikasi TikTok semakin popular dengan perkongsian bermanfaat terutamanya dalam aspek pengajaran dan pembelajaran terutama dalam era digital (Aminuddin Zaki, Poniran, & Hussain, 2021; Fauziyah, Afendi, Saputra, & Kamaria, 2023). Secara sejarahnya, aplikasi TikTok ialah perkhidmatan rangkaian sosial perkongsian video yang dimiliki oleh ByteDance, bertujuan untuk memberi inspirasi dan melahirkan kreativiti pengguna seterusnya akan mendatangkan kegembiraan kepada pengguna (TikTok – Real Short Video, 2020). TikTok adalah platform yang membolehkan pengguna menyediakan kandungan video dan bukannya syarikat. TikTok boleh diakses melalui telefon bimbit dan aplikasi ini membenarkan pengguna untuk membuat ‘lip-sync’ pendek, tarian, permainan, video DIY, video makanan, dan sebagainya. Durasi video pendek ini antara 3 hingga 15 saat atau 3 hingga 60 saat memberi ilmu yang berguna kepada penonton. Selain daripada penghasilan video, pengguna juga boleh melibatkan diri untuk melihat, berkongsi dan mengulas video yang dibuat oleh pengguna lain (Rahman, Bebit, & Ayob, 2023). Melalui proses menghasilkan kandungan video secara konsisten, sesetengah pengguna secara beransur-ansur akan memperoleh lebih banyak pengikut atau pengiktirafan daripada masyarakat. Pengguna yang diiktiraf komuniti ini dipanggil selebriti mikro atau individu berpengaruh atau dikenali dengan istilah “influencer”. Justeru, penggunaan aplikasi TikTok membantu dalam proses pengajaran ketika pandemik Covid-19 dalam memperkasa proses pengajaran (Putri, & Astutik, 2021; Ni, 2022).

### **Objektif**

Secara umumnya kajian ini adalah untuk menilai kefahaman pelajar terhadap penggunaan aplikasi TikTok dalam proses pembelajaran terhadap kursus Penerbitan Video Digital. Oleh itu, secara khususnya kajian ini adalah untuk menyoal keberkesanan pembelajaran menerusi aplikasi TikTok dalam membantu pelajar memahami proses penggunaan kamera dari aspek pergerakan kamera dan syot. Manakala, kajian ini akan menjawab kepada persoalan kajian iaitu apakah pembelajaran menerusi aplikasi TikTok dapat membantu pelajar memahami proses penggunaan kamera dari aspek pergerakan kamera serta syot?

### ***Model Penerimaan Teknologi***

Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model – TAM) sebagai asas penyelidikan. Model Penerimaan Teknologi berasal daripada ‘Theory of Reasoned Action’ (TRA) yang direka oleh Azjen dan Fishbein pada tahun 1980 dan tertumpu kepada subjek bagaimana untuk melihat tindakan serta pengaruh sikap pengguna kepada penerimaan dan penggunaan teknologi. Model Penerimaan Teknologi (TAM) menjawab soalan iaitu apa yang menyebabkan orang untuk menerima atau menolak teknologi maklumat (Davis, 1989). Selain itu, TAM juga merupakan sebuah teori sistem maklumat yang terdiri daripada rangkaian saluran komunikasi yang digunakan dalam sebuah organisasi yang menerangkan bagaimana pengguna menerima dan menggunakan sesuatu teknologi tersebut. Hal ini kerana penerimaan teknologi oleh pengguna teknologi maklumat sangat penting dalam perkembangan teknologi maklumat. Oleh sebab itu, TAM banyak dirujuk dalam penelitian yang berkaitan dengan penerimaan pengguna teknologi maklumat. Model ini menjelaskan tingkah laku pengguna terhadap teknologi yang dipengaruhi oleh kepercayaan, sikap, niat atau tujuan & hubungan tingkah laku pengguna (Abdalla, 2005).

Davis (1989) memberi penjelasan dalam teori TAM yang diperkenalkan bahawa niat untuk menggunakan sesuatu sistem teknologi maklumat adalah ditentukan oleh dua persepsi terhadap penggunaan sesuatu teknologi tersebut. Persepsi pertama adalah sistem tersebut berguna dan persepsi kedua adalah mudah digunakan. Kedua-dua persepsi ini mampu mempengaruhi sikap seseorang individu atau pengguna terhadap penggunaan sistem. Sikap dan persepsi terhadap berguna pula dapat meramal niat bertingkah laku seseorang individu tersebut. Persepsi mudah digunakan pula akan mempengaruhi persepsi berguna. Dalam model ini, persepsi berguna merupakan faktor utama di mana ia mampu mempengaruhi sikap dan niat untuk menggunakan sesuatu sistem.

Oleh itu, dalam kajian ini pelajar merupakan pengguna yang mempunyai niat untuk menerima teknologi (aplikasi TikTok) dalam memahami pergerakan kamera dan syot untuk menghasilkan filem pendek (Darullah, & Tanamal, 2023). Pelajar yang terdiri daripada generasi Z mempunyai persepsi yang mampu mempengaruhi sikap untuk membuat tindakan dalam menggunakan teknologi.

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian tindakan yang mengambil pendekatan Model Kurt Lewin (Bartunek, & Woodman, 2015) dalam melaksanakan kajian ini. Model ini terbahagi kepada lima langkah utama iaitu 1) mengenalpasti masalah, 2) merancang tindakan (merancang tindakan penggunaan kaedah aplikasi TikTok dalam pendekatan pengajaran pergerakan kamera dan syot), 3) melaksanakan tindakan (melaksanakan tindakan menerbitkan video pendek mengikut perancangan dengan penggunaan teknik aplikasi TikTok dalam pendekatan pengajaran pergerakan kamera dan syot), 4) memerhati (mengumpul data melalui pemerhatian, temubual dan analisis dokumen), dan 5) refleksi (membuat refleksi tentang keberkesanan penggunaan kaedah TikTok dan tunjuk cara pembelajaran). Walau bagaimapapun menerusi makalah ini, pengkaji hanya mengkhususkan kepada kaedah pertama sahaja iaitu mengenalpasti masalah dan merancang tindakan bagi menjelaskan dapatan kajian. Secara ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah trigulasi iaitu, temubual kumpulan fokus, intervensi dan juga tinjauan.

**Pengenalpastian Masalah**

Dalam fasa ini, penyelidik menggunakan kaedah *Focus Group Interview* bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. Data dikumpul melalui kaedah temubual kumpulan fokus (FGD). Kajian ini juga telah menggunakan persampelan bertujuan dengan melibatkan seramai 35 orang pelajar bagi kursus Penerbitan Video Digital yang mewakili populasi program pengkhususan penyiaran seramai 80 orang pelajar di Universiti Utara Malaysia. Pengambilan sampel ini berdasarkan celik ilmu terhadap bidang penyiaran yang dimiliki oleh sampel. Satu protokol temubual kumpulan fokus melibatkan tiga proses iaitu pre, pro dan pasca yang mengandungi soalan semi struktur dibangunkan untuk mengumpul data kualitatif daripada peserta kajian.

Pelajar berpendapat mereka tahu dan faham tentang teori tentang cara pergerakan kamera dan syot. Namun mereka tidak pasti adakah cara penggunaan tangan dan posisi letak kamera adalah betul atau tidak. Gerakan tangan yang tidak stabil menjadi masalah dalam membuat pergerakan kamera. Pelajar kursus ini dibahagikan kepada empat kumpulan. Perbincangan di antara mereka bertopikkan tentang tahap kefahaman terhadap posisi perletakan kamera pemingkai, pergerakan kamera dan syot. Terdapat tiga tahap yang diukur iaitu rendah, sederhana dan tinggi menerusi soalan “saya memahami teknik gerakan kamera dan syot pada tahap yang (rendah, sederhana, tinggi)”.

**Intervensi**

Setelah mendapat keputusan daripada temubual kumpulan fokus, penyelaras akan menggunakan kaedah intervensi dengan menayangkan video tentang penggunaan perletakan kamera, pergerakan kamera dan syot yang dirakam menerusi aplikasi TikTok. Pelajar juga boleh mengulang tonton video tersebut sehingga mereka faham dan dapat meniru membuat rakaman video. Menerusi kaedah ini terdapat beberapa item yang ditanya bagi menilai tahap kefahaman pelajar. Jadual 1, di bawah menunjukkan item yang diselidik bagi keahaman pelajar.

**Jadual 1: Item Pergerakan Kamera dan Syot**

<b>Item Pergerakan Kamera</b>	
1.	Saya sudah mahir menggerakkan kamera dengan teknik “till up”.
2.	Saya sudah mahir menggerakkan kamera dengan teknik “till down”.
3.	Saya sudah mahir menggerakkan kamera dengan teknik "panning to the right".
4.	Saya sudah mahir menggerakkan kamera dengan teknik "panning to the left".
<b>Item Shot</b>	
1.	Saya tahu mengambil syot yang betul dengan merujuk aplikasi TikTok.
2.	Saya faham maksud syot yang diambil.
3.	Saya faham apakah tujuan setiap syot.
4.	Syot “low angle” memberi maksud kepada kegagahan, keberanian kepada watak.
5.	Syot “high angle” memberi maksud menunjukkan suasana dan sesuatu yang buruk berlaku.

Dalam kaedah intervensi pelajar didedahkan dengan tutorial video pendek menerusi aplikasi TikTok. Pelajar dikehendaki menonton video tersebut berkali-kali untuk menilai kefahaman mereka terhadap pergerakan kamera dan syot.

**Jadual 2: Tutorial Video Pendek**

Visual Video TikTok	Keterangan
	<p>Cara menghasilkan video sinematik dengan gerak kamera.</p>
	<p>Video perlu diukar kepada mod 60fsp terlebih dahulu.</p>
	<p>Atau boleh juga tukarkan kepada mod perlahan.</p>



Kemudian lock bingkai / kamera kepada bunga



Untuk melakukan pergerakan kamera “panning to the left”, mesti mempunyai kedudukan kaki seperti memasang kuda-kuda supaya kaki stabil semasa melakukan pergerakan kamera.



Kuatkan kekuda kaki dan badan kemudian **gerakkan** kamera dengan “panning to the left” kepada objek bunga tersebut.



	<p>Manakala, bagi “zoom in dan zoom out”, (pergerakan ke hadapan atau ke belakang),</p>
	<p>Tetapkan tangan dengan memegang kamera dengan kedua-dua belah tangan supaya kamera tidak terlalu bergoyang, kemudian gerakkan hanya badan selari dengan tangan ke hadapan atau ke belakang. Maka, akan dapat hasil sinematik visual.</p>

Intervensi tontonan video yang berulang akan dapat memberi kefahaman kepada pelajar. Video yang ringkas, padat, dan mudah difahami ini sangat membantu pelajar dalam memahami bagaimana cara menghasilkan visual sinematik, dengan cara pergerakan posisi badan dan kaki semasa merakan gambar. Seterusnya ia memberi kefahaman kepada pelajar dalam menghasilkan produk video yang baik.

Pelajar juga ditanya soalan melalui google form tentang penggunaan aplikasi TikTok. Jadual di bawah menunjukkan item bagi penggunaan TikTok.

**Jadual 3: Item Aplikasi TikTok**

<b>Item Aplikasi TikTok</b>	
1.	Berapa kali anda menggunakan Tiktok dalam pembelajaran anda.
2.	Aplikasi TikTok memberi kefahaman kepada saya menghasilkan video yang bagus
2.	Aplikasi TikTok membantu saya kreatif dalam kemahiran suntingan video.
3.	Aplikasi Tiktok membantu dalam pembelajaran saya.
5.	Aplikasi Tiktok mudah digunakan

**Analisis Kajian**

Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis data-data dalam bentuk deskriptif dan juga kualitatif. Data deskriptif digunakan bagi kaedah pemerhatian, refleksi dan temubual kumpulan fokus. Menurut Morgan (1997), temubual kumpulan fokus yang lebih kecil adalah pilihan yang optimum untuk penyelidik yang bertujuan untuk memahami secara mendalam pendapat peserta terhadap sesuatu topik kerana ia memberi peluang kepada setiap responden untuk bercakap dan berkongsi lebih lanjut mengenai perkara yang ditangani. Pendekatan tematik telah disesuaikan untuk menganalisis data yang dikumpul. Pendekatan yang sistematik telah diterima pakai untuk menganalisis data yang termasuk membiasakan diri; mengenal pasti sesuatu tematik rangka kerja; pengindeksan; carta; pemetaan, dan tafsiran.

**Dapatan Kajian**

Dapatan kajian berdasarkan kaedah langkah pertama yang digunakan oleh pengkaji iaitu mengenalpasti masalah. Bagi mengenalpasti masalah, seramai 35 orang peserta terdiri daripada pelajar perempuan dan lelaki telah diambil untuk menyertai perbincangan kumpulan fokus. Sementara, di bawah ini merupakan demografi pelajar bagi kajian ini.

**Jadual 4: Demografi (N=35)**

<b>Jantina</b>	<b>Bilang Pelajar</b>	<b>Peratus</b>
<b>Lelaki</b>	<b>10</b>	<b>28.6%</b>
<b>Perempuan</b>	<b>25</b>	<b>71.4%</b>
<b>Etnik</b>		
<b>Melayu</b>	27	77.1%
<b>Cina</b>	4	11.4%
<b>India</b>	3	8.6%
<b>Lain-lain</b>	1	2.9%
<b>Umur</b>		
<b>21</b>	1	2.9%
<b>22</b>	28	80%
<b>23</b>	4	11.4%
<b>24</b>	1	2.9%
<b>25</b>	1	2.9%
<b>Jumlah</b>	<b>35</b>	<b>100%</b>

Majoriti responden berumur 22 tahun merupakan pelajar daripada tahun ketiga pengajian iaitu sebanyak 80%. Manakala, seorang responden berumur 21, 24 dan 25 tahun dengan peratusan sebanyak 2.9%, dan empat orang responden berumur 23 tahun yang membawa sebanyak 11.4%.

Para peserta ialah dibahagikan kepada empat kumpulan fokus yang terdiri daripada sembilan orang peserta bagi kumpulan 1, 2 dan 3. Sementara kumpulan 4 terdiri daripada lapan orang peserta. Kumpulan 1 terdiri daripada lapan pelajar perempuan dan seorang pelajar lelaki yang berumur antara 21 – 23 tahun. Manakala Kumpulan 2 terdiri daripada empat pelajar lelaki dan lima pelajar perempuan berumur 22 – 25 tahun. Kumpulan 3 pula, terdiri tujuh pelajar perempuan dan dua pelajar lelaki berumur 22 – 23 tahun. Sementara, kumpulan 4, terdiri daripada lima pelajar perempuan dan tiga pelajar lelaki berumur 22 -23 tahun. Tempoh untuk perbincangan kumpulan fokus adalah antara satu setengah hingga dua jam. Perbincangan direka untuk meneroka tingkah laku peserta, sebab di sebaliknya dan implikasinya. Sampel ini dipilih secara sampel bertujuan dan setiap kumpulan dipilih sebagai sampel secara rawak. Ini adalah kerana setiap ahli kumpulan telah diberi kebebasan memilih kumpulan masing-masing mengikut kesefahaman antara ahli kumpulan. Dalam fasa ini data diambil sebanyak tiga kali iaitu pra produksi, produksi dan pasca produksi. Fasa pertama bagi fasa sebelum pelaksanaan atau pun pra pelaksanaan. Dalam fasa pra ini pelajar ditanya dengan soalan berdasarkan kepada tema 1: Tahap pemahaman pelajar terhadap cara menggerakkan tangan untuk menghasilkan teknik gerakan kamera dan syot yang baik.

**Jadual 5: Kumpulan 1**

ID Peserta	Jantina	Umur	Kefahaman tentang teknik pergerakan kamera dan syot		
			Fasa pre Intervensi	Fasa Intervensi	Fasa pasca Intervensi
PU1	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Tinggi
PU2	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU3	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU4	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU5	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU6	Perempuan	22	Rendah	Rendah	Sederhana
PU7	Perempuan	21	Rendah	Sederhana	Tinggi
PU8	Lelaki	22	Sederhana	Sederhana	Sederhana
PU9	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Tinggi

**Jadual 6: Kumpulan 2**

ID Peserta	Jantina	Umur	Kefahaman tentang teknik pergerakan kamera dan syot		
			Fasa pre Intervensi	Fasa Intervensi	Fasa pasca Intervensi
PU1	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU2	Perempuan	22	Rendah	Rendah	Sederhana
PU3	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana

PU4	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU5	Perempuan	22	Sederhana	Tinggi	Tinggi
PU6	Lelaki	25	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU7	Lelaki	24	Sederhana	Sederhana	Sederhana
PU8	Lelaki	22	Rendah	Sederhana	Tinggi
PU9	Lelaki	23	Rendah	Sederhana	Tinggi

**Jadual 7: Kumpulan 3**

ID Peserta	Jantina	Umur	Kefahaman tentang teknik pergerakan kamera dan syot		
			Fasa pre Intervensi	Fasa Intervensi	Fasa pasca Intervensi
PU1	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU2	Lelaki	23	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU3	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU4	Perempuan	22	Sederhana	Tinggi	Tinggi
PU5	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU6	Perempuan	22	Sederhana	Tinggi	Tinggi
PU7	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU8	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Sederhana
PU9	Lelaki	22	Sederhana	Tinggi	Tinggi


**Jadual 8: Kumpulan 4**

ID Peserta	Jantina	Umur	Kefahaman tentang teknik pergerakan kamera dan syot		
			Fasa pre Intervensi	Fasa Intervensi	Fasa pasca Intervensi
PU1	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Sederhana
PU2	Perempuan	22	Rendah	Sederhana	Tinggi
PU3	Lelaki	22	Sederhana	Tinggi	Sederhana
PU4	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU5	Perempuan	23	Rendah	Tinggi	Sederhana
PU6	Perempuan	22	Sederhana	Sederhana	Tinggi
PU7	Lelaki	23	Sederhana	Tinggi	Tinggi
PU8	Lelaki	22	Sederhana	Tinggi	Tinggi

Dapatan menunjukkan bagi fasa pertama pra intervensi mendapati keempat-empat kumpulan fokus berada dalam tahap kefahaman yang rendah dan sederhana terhadap gerakan kamera dan syot. Menurut Morgan (1997), kumpulan fokus yang lebih kecil dan sederhana adalah pilihan yang optimum untuk penyelidik yang bertujuan untuk memahami secara mendalam pendapat peserta terhadap sesuatu topik kerana ia memberi peluang kepada setiap responden untuk bercakap dan berkongsi lebih lanjut mengenai perkara yang ditangani. Pendekatan tematik telah disesuaikan untuk menganalisis data yang dikumpul. Pendekatan yang sistematik telah diterima pakai untuk menganalisis data yang termasuk membiasakan diri; mengenal pasti sesuatu tematik rangka kerja; pengindeksan; carta; pemetaan, dan tafsiran.


Hasil daripada tinjauan menerusi *google form* bagi pemahaman penggunaan terhadap aplikasi TikTok membantu pengajaran pelajar ditunjukkan seperti di dalam Rajah di bawah ini.

Aplikasi Tiktok memberi kefahaman kepada saya menghasilkan video yang bagus. 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak bersetuju, 3=Tidak bersetuju, 4=Setuju, 5=Sangat bersetuju  
35 responses



**Rajah 1: Aplikasi Tiktok Memberi Kefahaman Kepada Saya Menghasilkan Video Yang Bagus.**


Aplikasi Tiktok memberi rujukan untuk meletakkan kamera yang betul. 1=Sangat tidak setuju, 2=Tidak bersetuju, 3=Tidak bersetuju, 4=Setuju, 5=Sangat bersetuju  
35 responses



**Rajah 2: Aplikasi Tiktok Memberi Rujukan Untuk Meletakkan Kamera Yang Betul.**

Aplikasi Tiktok membantu saya faham tentang kedudukan kamera yang tepat.


35 responses



**Rajah 3: Aplikasi Tiktok Membantu Saya Faham Tentang Kedudukan Kamera Yang Tepat.**

Saya tahu mengambil shot yang betul dengan merujuk aplikasi Tiktok.

35 responses



**Rajah 4: Saya Tahu Mengambil Syot Yang Betul Dengan Merujuk Aplikasi Tiktok.**

**Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian setelah dijalankan langkah pertama iaitu mengenali masalah ke atas 35 orang pelajar dipecahkan kepada empat kumpulan bagi menjalankan temubual kumpulan fokus. Dua soalan dikemukakan iaitu adakah anda faham tentang pergerakan kamera dan adakah anda faham tentang syot. Hasil dapatan daripada temubual kumpulan fokus terhadap empat kumpulan menunjukkan Kumpulan 1, seramai tujuh pelajar berada pada tahap sederhana dan dua pelajar berada pada tahap rendah pengetahuan terhadap kefahaman tentang teknik perletakan kamera, pergerakan kamera dan syot. Manakala, Kumpulan 2, menunjukkan empat pelajar berada tahap rendah dan lima pelajar berada pada tahap sederhana. Kumpulan 3 pula, menunjukkan seorang pelajar berada pada tahap tinggi, dua pelajar rendah dan enam pelajar sederhana pengetahuan dan pemahaman mereka. Kumpulan 4, menunjukkan tiga pelajar berada pada tahap rendah dan lima pelajar berada pada tahap sederhana.

Hasil daripada FGD dapat dirumuskan aplikasi TikTok berjaya membantu pelajar untuk memahami cara dan teknik pergerakan kamera dan syot. Pelajar juga berjaya menyiapkan tugas yang dieberikan dengan mengaplikasi teknik perletakan kamera, pergerakan kamera

dan syot yang sesuai digunakan dalam filem yang diterbitkan. TikTok merupakan platform media sosial popular yang tertumpu pada kandungan video pendek, telah memberi impak yang besar terhadap penghasilan video pelajar.

### ***Tema Pemahaman Teknik Pergerakan Kamera dan Syot.***

Hasil daripada penggunaan aplikasi Tiktok sebagai bahan rujukan berjaya membantu pelajar memahami teknik pergerakan kamera dan syot. Dapatan menunjukkan kumpulan 4 dan kumpulan 5 mempunyai pemahaman yang tinggi terhadap pergerakan kamera dan shot berbanding kumpulan 1 dan 2. Walau bagaimanapun, pelajar masih memerlukan pendedahan kepada penggunaan teknikal secara konsisten bagi menghasilkan filem pendek yang baik.

### ***Penggunaan Aplikasi TikTok***

Aplikasi TikTok memberi pengaruh pada pergerakan kamera peranti dengan membantu pelajar menggunakan tangan secara manual iaitu gerakan ke kanan dan ke kiri, atas dan bawah. Pengguna menggunakan telefon pintar untuk merakam kandungan, yang membawa kepada rasa yang lebih kasual dan dinamik. Ia memberi pengaruh kepada trend penggunaan kamera tangan yang lebih proaktif. Ini ternyata apabila hasil menunjukkan seramai 17 responden dengan 17% responden memilih tahap kefahaman 4 bagi item “aplikasi TikTok membantu saya faham terhadap kedudukan kamera yang tepat”, manakala, 12 responden dengan 34.3% memilih sangat faham terhadap item berkenaan. Bagi item “aplikasi TikTok memberi kefahaman kepada saya menghasilkan video yang bagus” menunjukkan seramai seorang responden dengan 2.9% memilih kurang faham, dan sederhana. Sementara, 19 orang responden dengan 54.3% faham dan 14 responden dengan 40% sangat faham terhadap item tersebut. Sementara itu, bagi item “aplikasi TikTok memberi rujukan untuk meletakkan kamera yang betul” menunjukkan seorang responden dengan 2.9% tidak faham, 3 orang dengan 14.3% sederhana, 17 (14.3%) faham dan 12 (34.3%) sangat faham. Pengukuran item yang terakhir ialah “saya tahu mengambil syot yang betul dengan merujuk aplikasi TikTok” menunjukkan 5 (14.3%) orang responden pada tahap sederhana, 18 (51.4%) faham dan 12 (34.3%) sangat faham. Secara keseluruhannya, dapatan terhadap pengukuran bagi objektif pertama menyiasat keberkesanan pembelajaran menerusi pergerakan kamera dan syot menunjukkan pelajar secara umumnya berada pada skor yang tinggi bagi setiap item yang dikaji. Ini menunjukkan pelajar faham terhadap cara penggunaan gerakan kamera dan syot. Ia juga menunjukkan aplikasi TikTok dapat membantu pelajar dalam memahami penggunaan kamera terutama dari aspek pergerakan serta rakaman syot. Ini adalah kerana dalam intervensi yang dijalankan pelajar boleh melihat berulang kali video tersebut. Perbuatan yang dilakukan berulang kali akan memberi kefahaman kepada pelajar (Shum L. J, 2017). Ia juga dikenali dengan kultivasi.

Dapatan menunjukkan aplikasi TikTok dapat membantu pelajar dalam menghasilkan video dan menyiapkan tugas yang diberikan. Ini selari dengan kajian Putri, & Astutik, (2021), TikTok memberi kesan yang positif kepada para pelajar semasa pandemik Covid-19. Selain itu, aplikasi TikTok juga berguna kepada pelajar dan ia merupakan aplikasi yang baik sebagai rujukan kerana aplikasi ini mudah digunakan (Adnan, Ramli, & Ismail, 2021). Selain itu, TikTok memberi pendedahan kepada pelajar dalam menghasilkan kandungan yang kreatif dan berinovasi. Ini adalah kerana TikTok merupakan aplikasi yang banyak menyediakan kandungan video pendek tutorial. Pelajar dapat merujuk tutorial tersebut dan seterusnya menghasilkan video mereka sendiri (Fiallos, Fiallos, & Figueroa, (2021). Dapatan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa pelajar mudah memahami tutorial video pendek malah mereka juga dapat menghasilkan video sendiri. Ini kerana tutorial video pendek akan mudah memberi ingatan dan membantu pelajar memberi perhatian terhadap

tutorial yang disediakan (Afidah, Sari, & Hanifah, 2021). Secara tidak langsung dapatan yang diperolehi menyokong keputusan kajian terhadap pemahaman dalam pergerakan kamera dan syot.

### Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penggunaan aplikasi TikTok mampu membantu dalam proses pengajaran dan juga pembelajaran. Ini adalah kerana pelajar yang merupakan generasi Z adalah generasi teknologi yang sudah bersedia menggunakan teknologi. Mereka juga golongan yang kreatif dalam pembelajaran. Tidak hairanlah dengan penggunaan aplikasi TikTok pelajar ini boleh memahami tutorial menerusi video pendek tentang penggunaan kamera terutama pergerakan kamera dan syot. Di samping itu, para pelajar juga boleh menghasilkan filem pendek hasil pengaplikasian penggunaan gerakan tangan menerusi teknik pergerakan kamera dan syot. Tutorial video pendek yang berkesan mampu membantu pelajar dalam meningkatkan daya kognitif, efektif dan emosi penonton (Afidah et al., 2021). Malah, ia juga dapat membantu pelajar lebih yakin dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Walau bagaimanapun, bagi menilai hasil produk yang bermutu, ia tidak dapat dikuasai pelajar kerana untuk menghasilkan produk video yang bermutu banyak elemen yang perlu difahami dan ia memerlukan satu jangka masa yang panjang dan berterusan. Kajian ini hanya dijalankan selama satu semester iaitu cuma 14 minggu pengajaran sahaja. Oleh itu, kajian masa hadapan boleh menerapkan elemen mutu dalam penghasilan video terutama filem pendek dengan melaksanakan praktikal secara konsisten, serta jangka masa yang panjang dan pelajar perlu ada minat mendalam dalam aspek pengarahan.

### Penghargaan

Para penulis ingin menyampaikan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia yang telah memberikan geran untuk kajian ini di bawah geran penyelidikan *Scholarship of Teaching and Learning (SoTL)* bagi tahun 2023 (Kod S/O: 21312).

### Rujukan

- Adnan, N. I., Ramli, S., & Ismail, I. N. (2021). Investigating the usefulness of TikTok as an educational tool. *International Journal of Practices in Teaching and Learning (IJPTL)*, 1(2), 1-5.
- Afidah, N., Sari, N. K., & Hanifah, H. (2021). Investigating students' perspectives on the use of TikTok as an instructional media in distance learning during pandemic era. *DINAMIKA: Jurnal Kajian Pendidikan Dan Keislaman*, 6(2), 47-68.
- Aminuddin Zaki, N. S., Poniran, N. A., & Hussain, A. (2021). TikTok sebagai medium pengajaran terkini. *Buletin ACIS*.
- Bartunek, J. M., & Woodman, R. W. (2015). Beyond Lewin: Toward a temporal approximation of organization development and change. *Annu. Rev. Organ. Psychol. Organ. Behav.*, 2(1), 157-182.
- Block, B. (2020). *The visual story: Creating the visual structure of film, TV, and digital media*. Routledge.
- Bordwell, D., & Thompson, K. (2019). *Minding movies: observations on the art, craft, and business of filmmaking*. University of Chicago Press.
- Bordwell, D., Thompson, K., & Smith, J. (2008). *Film art: An introduction* (Vol. 8). New York: McGraw-Hill.
- Buck-Pavlick, H. (2021). Engaging virtual dance students Using social media dances and technology. *Dance Education in Practice*, 7(4), 15-20.



- Cervi, L. (2021). Tik Tok and generation Z. *Theatre, dance, and performance training*, 12(2), 198-204.
- Darullah, M. D., & Tanamal, R. (2023). Faktor yang Paling Mempengaruhi Keputusan dalam Menggunakan TikTok Shop. *Journal of Economic, Management, Accounting and Technology*, 6(2), 166-175.
- Deleuze, G. (2019). Cinema I: The movement-image. In *Philosophers on Film from Bergson to Badiou: A Critical Reader* (pp. 152-176). Columbia University Press.
- Fauziyah, N., Afendi, A. R., Saputra, M. R., & Kamaria, K. (2023). Pemanfaatan Aplikasi Tiktok dalam Mata Pelajaran PAI sebagai Media Pembelajaran Inovatif Era Digital. *Borneo Journal of Islamic Education*, 3(1), 19-29.
- Fiallos, A., Fiallos, C., & Figueroa, S. (2021, July). Tiktok and education: Discovering knowledge through learning videos. In *2021 Eighth International Conference on EDemocracy & EGovernment (ICEDEG)* (pp. 172-176). IEEE.
- Hu, Z. (2023). *Forming the Spectacle of Body: Analysis of the User-Platform Relationship through Body Performance Videos on TikTok* (Tesis Sarjana).
- Kaye, D. B. V., Zeng, J., & Wikstrom, P. (2022). *TikTok: Creativity and culture in short video*. John Wiley & Sons.
- Klug, D. (2020). It took me almost 30 minutes to practice this. Performance and Production Practices in Dance Challenge Videos on TikTok. *arXiv preprint arXiv:2008.13040*.
- Mingti, Z., Yansen, Z., & Yimei, C. (2022). Innovative research of vertical video creation under the background of mobile communication. *Applied Mathematics and Nonlinear Sciences*.
- Ni, L. B. (2022). Cabaran dan Peluang Penempatan Guru Pendidikan Sejarah: Era Pasca Pandemi Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 216-229.
- Putri, A. M., & Astutik, A. P. (2021). Tiktok as a Generation-Z Islamic Religious Learning Media During the Covid-19 Pandemic. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 18(2), 273-294.
- Rahman, R. A., Bebit, M. P., & Ayob, N. (2023). The Use of Innovative TikTok Applications in the Implementation of Educational Art Appreciation Visual arts: Penggunaan Aplikasi TikTok Inovasi dalam Pelaksanaan Apresiasi Seni Pendidikan Seni Visual. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 16, 1-13.
- Ryan, M., & Lenos, M. (2020). *An introduction to film analysis: Technique and meaning in narrative film*. Bloomsbury Publishing USA.
- Ryan, M., & Lenos, M. (2020). *An introduction to film analysis: Technique and meaning in narrative film*. Bloomsbury Publishing USA.
- Sikov, E. (2020). *Film studies: An introduction*. Columbia University Press.
- Shrum, L. J. (2017). Cultivation theory: Effects and underlying processes. *The international encyclopedia of media effects*, 1-12.
- Sourdis, C., & de Lucas, G. (2019). The essay film as methodology for film theory and practice: Disruptions and expansions for film research.
- Spottiswoode, R. (2022). *Film and its techniques*. Univ of California Press.
- Spottiswoode, R. (2023). *A Grammar of the Film: An Analysis of Film Technique*. Univ of California Press.
- Yang, Y., & Zilberg, I. E. (2020). Understanding Young Adults' TikTok Usage. *Dostupno na*.